



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
SELANGOR STATE TREASURY
Tingkat 2, 8-12
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40592 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

No. Tel : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN)
603-5544 7297 (TPWN)
603-5512 1054 (BN)
603-5521 2533 (BKP)
Laman Web : <http://pwn.selangor.gov.my>
E-mel : pwn_helpdesk@selangor.gov.my



#KitaSelangor

Ruj Kami : PWN.SEL.600-5/3/6 (28)
Tarikh : 15 Ramadhan 1444H
6 April 2023

Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pusat Tanggungjawab Negeri

YB Dato' / YB Dr. / YBhg. Dato' / YAA Dato' / SS. Dato' / Tuan / Puan

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 6 TAHUN 2023: PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1444H TAHUN 2023 "INSENTIF KHAS KITA SELANGOR" PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Dimaklumkan merujuk kepada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-8/2023 yang disahkan pada MMKN ke-9/2023 telah bersetuju meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) Sempena Hari Raya Aidilfitri 1444H Tahun 2023 – Insentif Khas Kita Selangor sebanyak satu (1) bulan gaji, minimum RM1,000.00 kepada semua pegawai yang sedang berkhidmat di Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor. **Tarikh pembayaran adalah pada 20 April 2023 (Khamis).**

3. Sehubungan itu Surat Arahan Operasi ini adalah bertujuan memaklumkan persediaan pembayaran pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) kepada anggota yang layak di Jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Bersama-sama ini disertakan arahan ringkas pembayaran pemberian Bantuan Khas Kewangan (BKK) seperti di Lampiran untuk rujukan dan tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"SELANGOR MAJU BERSAMA"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menandatangani amanah,


(DR. SHAHRIL BAHARIM) C.A(M),FCMA,CGMA
Bendahari Negeri
Selangor Darul Ehsan

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 6 TAHUN 2023: PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1444H TAHUN 2023 “INSENTIF KHAS KITA SELANGOR” PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

1. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) ini perlu dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Pembayaran Bantuan Khas Kewangan Sempena Hari Raya Aidilfitri 1444H Tahun 2023 “Insentif Khas Kita Selangor” Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang dikeluarkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan, Negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Pembayaran Bantuan Khas Kewangan (BKK) ini perlu dilaksanakan oleh Jabatan/PTJ mengikut langkah-langkah seperti berikut bagi pembayaran melalui sistem gaji berkomputer:

- 2.1. Cetak laporan G004 (Senarai Edit Pembayaran Bonus) melalui skrin Laporan.

- 2.2. Kemaskini laporan G004 berkenaan dengan memotong nama pegawai yang tidak layak dan pindaan apa-apa amaun yang perlu dilaraskan mengikut kelayakan pegawai sepertimana Garis Panduan Pemberian Bantuan Khas Kewangan, Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

- 2.3. Jabatan/PTJ dikehendaki mengedit maklumat di laporan ke dalam sistem iSPEKS. Bagi kakitangan yang tidak layak hendaklah **DIBATALKAN**. Penyedia dan Penyemak di Jabatan/PTJ hendaklah memastikan tiada nama yang tertinggal untuk mengelakkan proses seterusnya gagal dilakukan.

- 2.4. Hantar laporan yang telah dikemaskini seperti arahan di Para 2.2 dan perlu disahkan oleh Ketua Jabatan seperti kenyataan berikut dan dihantar ke Unit Emolumen, Pejabat Bendahari Negeri Selangor.

“Disahkan bahawa semua maklumat dan pembetulan yang di buat adalah betul dan tepat. Jabatan/PTJ ini bertanggungjawab untuk mendapatkan semula apa-apa bayaran balik sekiranya didapati terdapat bayaran terlebih dilakukan”.

.....
(Tandatangan & Cop Jabatan)

3. Semua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan tindakan di atas dibuat dan laporan yang telah disemak dan disahkan di hantar ke Unit Emolumen, Pejabat Bendahari Negeri selewat-lewatnya pada **10 April 2023 (Isnin) sebelum jam 4.00 petang**.

ARAHAN OPERASI BENDAHARI NEGERI SELANGOR BILANGAN 6 TAHUN 2023: PELAKSANAAN PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI 1444H TAHUN 2023 “INSENTIF KHAS KITA SELANGOR” PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

4. Bagi pembayaran secara Baucar Bayaran Berasingan, penyata pengiraan bayaran serta dokumen lain berkaitan hendaklah disertakan sebagai dokumen sokongan bersama baucar bayaran tersebut.

Penyediaan Baucar Bayaran Berasingan hendaklah disediakan mulai **12 April 2023. Tarikh meluluskan baucar ditetapkan mulai 17 April 2023.**

Perihal Bayaran hendaklah dimulai dengan : BKK 1/2023

Bagi bayaran yang menggunakan Dana Akaun Amanah, perlu nyatakan Kod Dana (cth: LXXX) di ruangan No. Rujukan di Maklumat Daftar Bil, Arahkan Pembayaran.

5. Jabatan/PTJ hendaklah memastikan kakitangan yang tidak layak dikeluarkan dari senarai pembayaran. **Proses penahanan pembayaran Bantuan Khas Kewangan di bank tidak akan dilaksanakan.**